

SOALAN 1

Siti, Sini dan Sana adalah pekongsi dalam sebuah perniagaan perkongsian.

Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara berikut:

- Kongsi untung atau kongsi rugi diagihkan mengikut nisbah 3 : 1 : 1
- Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal
- Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- Faedah atas pengambilan 8% setahun
- Gaji tahunan RM35 000 diperuntukkan kepada Siti bermula 1 April 2017

Baki pada 1 Julai 2016:

	Siti RM	Sini RM	Sana RM
Akaun Modal	125 000	125 000	75 000
Akaun Semasa	10 400	6 100 (Dt)	3 900
Pinjaman daripada pekongsi(matang 2025)	30 000	-	-

Pada 30 Jun 2017 baki-baki berikut diperolehi daripada buku perkongsian.

	RM
Pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun (matang 1 Januari 2018)	60 000
Bank	3 900
Inventori	10 300
Tanah dan bangunan (nilai buku)	190 000
Loji dan peralatan (nilai buku)	131 725
Akaun Belum Bayar	24 975
Akaun Belum Terima	86 250

Maklumat tambahan:

(i) Ambilan pekongsi menggunakan cek :

Siti	RM10 000	1 Oktober 2016
	RM10 000	1 Januari 2017
Sini	RM15 000	1 April 2017
Sana	RM12 000	1 Jun 2017

(ii) Pada 30 Jun 2017 untung bersih bRM21 000. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.

- Insurans prabayar RM420
- Faedah belum bayar:
 - Faedah untuk sebulan bagi pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun
 - Faedah pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke akaun semasa Siti
- Baki akaun terima RM1 800 dianggap sebagai hutang lapuk

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira untung bersih terselaraskan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017
- (c) Akaun Semasa pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017

SOALAN 2

Fazirah dan Dinni ialah pekongsi dalam Perkongsian Fazirah dan Dinni Resources yang menjalankan perniagaan pemprosesan ayam segar yang beroperasi di Duyong Melaka.

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut :

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Fazirah dan Dinni mengikut nisbah 3:2
- (ii) Gaji bulanan Fazirah RM500 dan Dinni RM200
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
- (iv) Faedah atas modal ialah 2% setahun
- (v) Semua ambilan dikenakan faedah 10% setahun

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perkongsian Fazirah dan Dinni Resources pada 31 Ogos 2018.

	Debit RM	Kredit RM
Inventori 1 September 2017	12 000	
Modal 1 September 2017		
Fazirah		700 000
Dinni		300 000
Akaun Semasa 1 September 2017		
Fazirah	40 800	
Dinni		12 000
Ambilan		
Fazirah - 1 Disember 2017	4 000	
Dinni - 1 Mac 2018	3 000	
- 1 Jun 2018	5 000	
Pinjaman daripada Fazirah		50 000
Premis	800 000	
Kenderaan (Kos)	129 600	
Mesin	55 600	
Bank	38 000	
Tunai	11 000	
Gaji :		
Fazirah	5 000	
Dinni	2 000	
Bonus:		
Fazirah	1 000	
Dinni	400	
Untung bersih sebelum pelarasan		80 000
Akaun Belum Terima	72 000	
Akaun Belum Bayar		37 400
	1 179 400	1 179 400

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2018 dinilai pada RM5 000
- (ii) Komisen belum terima RM400
- (iii) Hutang lapuk terpulih RM750
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar RM3 400
- (v) Belanja membaiki mesin belum bayar RM280
- (vi) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus
- (vii) Hutang lapuk RM250
- (viii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Bersih yang diselaraskan. [5 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2018 [7 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2018.
Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik sahaja. [2 markah]